

## **DINAMIKA PENDIDIKAN ISLAM: PENGARUH PERADABAN ISLAM DAN KETAMADUNAN BARAT DALAM BUDAYA DAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA**

*Usono*

*usiono@uinsu.ac.id*

*UIN Sumatera Utara Medan, Indonesia*

*Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis*

*draqsha@gmail.com*

*Pusat Kembangan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Muhammad Talhah Ajmain @Jima'ain*

*mtalhah.uda@gmail.com*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia*

*Aisyah Sjahrony*

*aisyahsjahrony@gmail.com*

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Ikwan Lubis*

*ikwanlubissemm@gmail.com*

*Universitas Budi Darma, Indonesia*

### **ABSTRAK**

Alam Melayu telah menyaksikan kehadiran pelbagai pengaruh luar yang menyerap masuk ke dalam perkembangan institusinya termasuk kehadiran pengaruh pendidikan peradaban Islam dan ketamadunan Barat yang tercatat kemas di dalam sejarah. Oleh itu, penulisan ini secara khususnya membincangkan bagaimana dinamika pengaruh pendidikan peradaban Islam dan ketamadunan Barat membawa perubahan kepada budaya masyarakat Melayu di Malaysia. Pengaruh yang dibincangkan dalam kajian ini merangkumi tujuh aspek pendidikan peradaban dan ketamadunan iaitu (i) seni bina, (ii) perkahwinan, (iii) kesihatan, (iv) pakaian, (v) hiburan, (vi) budaya sastera, dan (vii) pendidikan. Kajian ini merupakan penyelidikan kepustakaan dengan merujuk bahan-bahan atau sumber ilmiah yang berkaitan dengan fokus kajian. Hasil kajian mendapati bahawa wujudnya pelbagai dinamika pengaruh yang dibawa oleh peradaban Islam sehingga mengubah dan menukar amalan masyarakat Melayu manakala ketamadunan Barat pula membawa dua sisi pengaruh iaitu nilai yang positif ataupun negatif. Pengekalan pengaruh kedua-dua peradaban dan ketamadunan ini dalam masyarakat budaya Melayu di Malaysia haruslah selari dengan kehendak syariah. Dalam usaha mengekalkan kedua-dua peradaban dan ketamadunan ini, kurikulum bersepadu perlu diaplikasi dalam pendidikan, khasnya di peringkat institusi pengajian tinggi; antara lain, ia sedang dilaksanakan menggunakan konsep kesepaduan kurikulum berdasarkan *Aql* dan *Naql*. Di samping itu, konsep pendidikan bersepadu dalam strategi pengajaran dan pembelajaran berteraskan empat elemen: (i) kreativiti (*creativity*), (ii) refleksi (*reflectivity*), (iii) bekerjasama (*reciprocity*), dan (iv) bertanggung jawab (*responsibility*). Kertas kerja ini diakhiri dengan pemaparan dinamika perkembangan mata pelajaran pendidikan Islam di Malaysia dan cabaran berhadapan dengan revolusi industri 4.0. Implikasinya, dalam mengkaji dinamika pendidikan Islam di Malaysia mulai pra merdeka sehingga pasca merdeka, konsep pendidikan Islam yang bersepadu dan seimbang perlu diamalkan demi kelestarian umat Islam di dunia ini.

**Kata Kunci:** Dinamika, Peradaban Islam; Tamadun Barat; Perkembangan Mata Pelajaran Pendidikan Islam; Revolusi industri 4.0

## **DYNAMIC OF ISLAMIC EDUCATION: THE INFLUENCE OF ISLAMIC AND WESTERN CIVILIZATIONS ON CULTURE AND EDUCATION IN MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

The Malay world has witnessed the presence of various external influences that are absorbing into the development of its institutions including the presence of Islamic and Western civilizations that was chronicled in history. Hence, this writing discusses the dynamics of educational influences of Islamic and Western civilizations that have changed the culture of the Malay community in Malaysia. The influences discussed in this study included seven aspects of the civilization and education development: (i) architecture, (ii) marriage, (iii) health, (iv) attire, (v) entertainment, (vi) culture and arts, and (vii) education. This study was a library research that collected data from materials or resources related to the research focus. The results showed that varied dynamic influences were brought by Islamic civilization so as to transform and change the practices of the Malay community while the Western civilization brought two-sided influences, which are positive or negative values. The preservation of the influences of both civilizations in the Malay culture in Malaysia should be in line with the requirements of the *shariah*. In order to maintain these two civilizations, an integrated curriculum should be implemented in education especially at higher learning institutions; among others, it is being implemented using an integrated concept based on the *Aql* and *Naql*. In addition, the concept of integrated education in teaching and learning strategy is based on four elements: (i) creativity, (ii) reflectivity, (iii) reciprocity, and (iv) responsibility. This paper concluded with the dynamic development of the Islamic education subjects in Malaysia and the challenges facing the Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0). In implication, to ensure the dynamics of Islamic education in Malaysia from the pre-independence until the post-independence, the concept of an integrated and balanced Islamic education should be practiced for the sustainability of the Muslims in the world.

**Keywords:** Dynamics; Islamic Civilization; Western Civilisation; Islamic Education Subjects Development Industrial Revolution 4.0

### **PENGENALAN**

Sejarah di alam Melayu telah menyaksikan kehadiran pelbagai pengaruh dari luar yang menyerap masuk ke dalam institusi alam Melayu. Kehadiran kuasa barat khususnya pihak kolonial British di Tanah Melayu dikatakan memberi kesan yang signifikan terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial masyarakatnya. Alam Melayu mula menerima kehadiran Barat pada sekitar abad ke 16 Masihi apabila Portugis mula menawan Melaka pada tahun 1511. Namun, kehadiran mereka pada ketika itu lebih bermotifkan kepada kepentingan ekonomi (Zariat 2006). Kedatangan Islam ke rantau Melayu bermula dengan kehadiran mubaligh dari semenanjung Tanah Arab pada abad ke-7 Masihi menurut pandangan sejarawan tempatan. Manakala menurut pandangan sejarawan barat, Islam mula membanjiri tanah Melayu sekitar tahun 1390 Masihi (Aisyah *et al.* 2015). Keindahan Islam dalam aspek muamalah, politik, pendidikan dan kebudayaan telah berjaya menarik saudagar-saudagar dari India dan China pada ketika itu untuk memeluk Islam dan kemudiannya perlahan-lahan menarik perhatian masyarakat Melayu pada ketika itu.

Kajian oleh Idris Zakaria (2012) menyatakan bahawa Islam dalam kebudayaan Melayu ini adalah antara bidang yang penting dan ia telah ditulis atau dibahaskan oleh beberapa sarjana dan pengkaji Melayu Nusantara. Antaranya ialah Sayyid Muhammad Naquib Alatas (1972), John Bousfield (1983), Vladimir Braginsky (1993), Ismail Hussein (1995), A.H. John (1985), Mohd Taib Othman (1980), Sidek Fadzil (1999), Mohd. Uthman El-Muhammady (1977), Abdul Aziz Deraman (1992), Hamdan Hassan (1980) dan Ismail Hamid (1986). Malah, dalam kajian sarjana Nusantara tersebut, mereka mengiktiraf bahawa Islam adalah unsur penting yang membentuk pola budaya masyarakat Melayu pada masa ini. Hal ini bermakna kepercayaan-kepercayaan lain seperti Kristian, Buddha, Hindu dan fahaman Confucius bukan asas penting peradaban berkenaan walaupun dari segi rekod sejarahnya Hindu dan Buddha telah mendahului Islam dalam kedatangan mereka ke alam Melayu ini. Oleh itu, dalam penulisan ini akan dibincangkan berkaitan kesan pendidikan ketamadunan Islam dan Barat kepada budaya masyarakat Melayu merangkumi tujuh aspek iaitu seni bina, perkahwinan, kesihatan, pemakanan, hiburan, sastera dan kurikulum pendidikan.

### **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pengaruh tamadun Islam dan Barat terhadap kebudayaan tamadun Melayu di Malaysia. Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut: Mengenalpasti pengaruh pendidikan ketamadun Islam dari aspek seni bina, perkahwinan, pemakanan, pemakaian, kesihatan, hiburan dan sastera dalam budaya masyarakat Melayu di Malaysia. Mengenalpasti pengaruh pendidikan ketamadun Barat dari aspek seni bina, perkahwinan, pemakanan, pemakaian, kesihatan, hiburan, sastera dalam budaya masyarakat Melayu di Malaysia dan mengenalpasti dinamika perkembangan mata pelajaran pendidikan Islam di Malaysia dan dinamika pendidikan Islam berhadapan revolusi industri

### **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk sumber seperti jurnal, buku, artikel, prosiding seminar, keratan akhbar, carian laman sesawang yang berkaitan dengan fokus kajian, kemudian dikumpul dan dijadikan sebagai rujukan di dalam penulisan.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Kebudayaan dari Perspektif Barat dan Islam**

Budaya sering ditafsirkan oleh masyarakat sebagai sesuatu yang meliputi kesenian. Sedangkan pengertian budaya dalam pengajian antropologi adalah suatu jalinan yang kompleks. Perlakuan manusia yang dipelajari adalah menjadi asas kepada perkembangan budaya. Menurut Cho Minsung dan Puteri Roslina (2016) budaya ditakrifkan sebagai apa-apa sahaja yang berhubung dengan manusia dan kehidupannya adalah budaya. Hal ini meliputi cara berfikir, cara bertindak, cara membuat sesuatu, cara bercakap, cara berpakaian, makanan, tempat tinggal, adat resam dan sebagainya. Oleh sebab budaya merangkumi seluruh hidupnya, maka sudah tentu budaya ini akan diwarisi oleh generasi seterusnya. Melalui pewarisan ini, budaya itu akan kekal lama dan sentiasa diingat. Sarjana barat telah mendefinisikan budaya dengan pelbagai tafsiran. Alfred Louis Kroeber dan Clyde Kluckhohn telah mengumpulkan lebih dari 160 definisi budaya yang telah dianalisis dalam karangan mereka iaitu *Culture; a Critical Review of Concept and Definitions* (Seiva Subramaniam, 2015). Antara rumusan mereka, budaya perlulah dilihat dari sudut yang pelbagai merangkumi kehidupan manusia dalam sesebuah masyarakat. Perkara ini meliputi hukum, moral, seni, adat istiadat dan dari sudut kemahiran

yang dikuasai oleh seseorang melalui kehidupannya dalam sesebuah masyarakat. Perkara ini selari dengan Edward Burnett Tylor yang memberi makna kebudayaan yang hampir sama, meliputi aspek kepercayaan, ilmu pengetahuan, kesenian, moral, hukum, adat-istiadat dan kemampuan yang lain sebagai seorang ahli masyarakat (Mohd Ali 2010).

Kebudayaan Barat umumnya berlandaskan tiga ciri utama, iaitu falsafah dan bukannya agama, falsafah tersebut pula tidak mementingkan aspek nilai serta kebenaran hakikat dan berdasarkan pandangan hidup tragik yang menerima pengalaman sebagai satu kepercayaan mutlak yang mempengaruhi peranan manusia dalam dunia. Kebudayaan Barat dilihat sebagai budaya yang kabur berasaskan syirik serta berlawanan dengan tauhid Tamadun Islam membawa risalah akidah yang mudah diterima akal. Kebudayaan dan kesenian merangkumi pelbagai bidang dalam kehidupan dan setiap bidang itu mempunyai pertalian antara satu sama lain. Akidah menjadi perkara terpenting dalam kebudayaan Islam yang mengesakan Tuhan dan membenarkan kerasulan nabi Muhammad SAW. Perkara inilah yang menjadi teras dalam budaya dan seni Islam dan membezakannya dengan barat.

Dunia barat melihat keindahan dalam seni kebudayaan dikaitkan dengan estetika berdasarkan konsep kebebasan dalam mengolah bentuk-bentuk ini. Dari sinilah timbul dan berkembangnya konsep seni yang bercanggah dengan Islam kerana seni di sini semata-mata untuk mengisi ruang tanpa rasa memperhitungkan kebenaran hakiki tadi (Idris Zakaria, 2012). Islam sebagai agama yang selamat, damai dan sering bertoleransi menjadi asbab bangsa Melayu tertarik kepadanya. Sebagai contoh, orang-orang Melayu (Islam) di Malaysia contohnya dari awal lagi telah mengamalkan sikap toleransi tersebut dalam peristiwa Pembentukan Perlembagaan Negara Malaysia 1957. Peristiwa ini telah membuktikan telah wujud hakikat tolak ansur dan persefahaman antara kaum yang menjadi landasan kepada pembentukan sebuah negara yang bersatu-padu. Syarat-syarat yang longgar mengenai kerakyatan telah diberi kepada orang-orang bukan Melayu iaitu Cina dan India dan orang-orang Melayu pula telah mendapat kedudukan istimewa mengikut Perlembagaan sejajar dengan hakikat mereka adalah tuan negara ini.

Deklarasi hidup bersaudara dapat dilihat dalam Teks Sejarah Melayu yang menggambarkan Melaka adalah sebuah negeri perdagangan dan sebuah pelabuhan entrepot yang terkemuka di dunia. Hal inilah punca utama ekonomi bagi Melaka. Tergambar dengan jelas di sini kekuatan Islam dalam konteks solidariti sosial. Mengikut al-Quran, "Semua muslim itu bersaudara" (al-Hujurat 49:10). Selain itu, tamadun Islam turut membawa fahaman ahli sunnah wal jamaah, tasawwuf dan keindahan kesenian Islam sendiri sehingga mampu menarik perhatian dan minat masyarakat Melayu ke arah memeluk Islam dan menyerap masuk ke dalam kebudayaan masyarakat Melayu.

## **Dinamika Pengaruh Peradaban Islam dan Ketamadunan Barat dalam Kebudayaan dan Pendidikan**

### **Dinamika**

Makna dinamika, berasal dari kata Dynamics (Yunani) yang bermakna "perubahan", "*Dynamics is facts or concepts which refer to conditions of change, especially to forces*" (Lewin, 2013). Justeru, dinamika yang dimaksudkan dalam kertas kerja ini adalah, budaya melayu dan pendidikan Islam terus dilihat dinamik dengan bimbingan Islam terhadap keadaan semasa, sekalipun berhadapan pengaruh peradaban Islam dan juga peradaban barat.

## Budaya Seni Bina dan Ragam Hias

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu membawa pengaruh yang tersendiri kepada corak budaya termasuklah dalam seni bina dan ragam hias binaan. Islam tidak hanya datang membawa keindahan dan kecantikan di dalam seni bina sahaja tetapi turut membawa konsep kesederhanaan dan kesopanan dalam masyarakat Melayu (Siti Norlizaiha, 2005). Seni bina dan ragam hias rumah Melayu adalah ringkas dan mudah menggunakan ciri binaan dan bahan binaan dari alam semula jadi. Hal ini dapat diperhatikan melalui struktur binaan bumbung yang terdiri dari rumbia, daun nipah, ijuk dan bertam. Begitu juga, untuk struktur utama rumah seperti tiang dan lantai yang menggunakan kayu. Menurut M.S Surat *et al.* (2012), salah satu aspek yang ditekankan dalam binaan rumah orang Melayu adalah penghayatan pada hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan seperti pembinaan beranda yang sesuai untuk menyambut tetamu pada bila-bila masa. Konsep ini amat selari dengan ajaran Islam yang amat mementingkan adab dengan tetamu. Begitu juga dengan binaan dapur dan ruang tamu yang luas merupakan salah satu ciri binaan masyarakat Islam Melayu. Namun, menurut Mohammad Tajuddin (2011), kedatangan pengaruh tamadun barat ke dalam masyarakat Melayu sedikit sebanyak mengubah struktur binaan rumah Melayu seperti reka bentuk dapur dan ruang tamu yang kini dibina dengan saiz kecil sehingga tidak lagi sesuai untuk upacara kemasyarakatan yang sering diamalkan dalam masyarakat Melayu Islam seperti untuk pengurusan jenazah, majlis kenduri kahwin, upacara marhaban dan berkhatan.

Tamadun Islam turut membawa kesan kepada ragam hias seni bina masyarakat Melayu seperti rekaan bentuk bumbung dalam bentuk limasan. Bumbung limasan melambangkan tingkat-tingkat perjalanan kaum sufi iaitu tariqat, haqiqat dan makrifat, lebar di bahagian bawah sebagai simbolik kepada ramainya manusia, manakala menirus ke atas membawa maksud matlamat akhir iaitu menggapai keredhaan Allah serta cerminnya bertingkap tiga, atau lima. Reka bentuk sebegini masih dapat dilihat di Masjid Kampung Laut Kelantan (Suhana Johar, 2012). Bentuk kubah masjid tidak hanya sekadar hiasan tetapi membawa simbolik langit yang memayungi kehidupan manusia. Manakala, lampu-lampu pula melambangkan bintang-bintang di langit dan lantai masjid pula mewakili bumi itu sendiri (Suhana Johar, 2012). Tamadun Islam telah membawa seni bina dan ragam hias yang sangat bernilai bagi menggambarkan sudut pandang Islam yang melibatkan hubungan tiga dimensi iaitu Allah, manusia dan alam ini.

Penjajahan British bermula 1795 sehingga 1957 di Tanah Melayu telah memberi pengaruh yang cukup besar ke atas gaya seni bina tempatan terutamanya pada kawasan penempatan pihak British. Monumen pertama yang dibina pada tahun 1786 iaitu Kota Cornwallis masih dapat dilihat sehingga kini di Pulau Pinang (Siti Norlizaiha, 2005). Reka bentuk dan seni bina kolonial British mempunyai keunikan tersendiri yang turut terpengaruh dengan seni bina Moor seperti Bangunan Sultan Abdul Samad (1897), Stesen Keretapi (1911) dan Ibu Pejabat Pengurusan Keretapi (1917). Masjid, Langgar di Kelantan yang dibina pada tahun 1871 dan Masjid Paloh, di Perak (1912) pula mempunyai pengaruh seni bina tradisional vernakular disebabkan faktor-faktor keadaan iklim, penggunaan material, kerja tangan dan latar belakang etnik. Antara masjid yang menerima sentuhan arkitek British ialah Masjid Diraja Sultan Sulaiman di Klang, Selangor yang dibina pada tahun 1932. Ukiran di mimbar masjid ini yang kelihatan seakan-akan tanda salib merupakan pengaruh seni bina Barat yang masih kekal dan tidak dapat dibuang kerana akan menjejaskan seni bina asal dan masih kekal sehingga hari ini namun pihak pengurusan Masjid menutupinya dengan ukiran ayat Kursi. (Zunaidah Zainon, 2006).

## Budaya Perkahwinan

Budaya perkahwinan masyarakat Melayu, yang disebut sebagai walimatul urus dan akad dilaksanakan mengikut syariat Islam, akan tetapi perhiasan diri yang dipakaikan kepada kedua-dua mempelai mempunyai unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti sulaman berbentuk hidupan bernyawa serta tidak menutup aurat kerana dikatakan pemakaian peralatan berkenaan dapat menghindari hasad dengki orang lain dalam majlis tersebut. Pengantin juga tidak dibenarkan mandi dari pagi hingga tamat majlis atau perlu mencampak sehelai pakaian dalam pengantin ke bumbung bagi mengelak hujan mengganggu majlis tersebut. Kedatangan Islam mengubah segala perkara yang bertentangan dengan syariat Islam dan mengekalkan budaya dan adat yang seiring dengan Islam. Aisyah *et al.* (2015) menjelaskan setelah kedatangan Islam semua perkahwinan dijalankan mengikut mazhab syafie dan orang Melayu masih mengamalkan monogami dan poligami.

Budaya *pre wedding* sebelum perkahwinan adalah hasil ideologi barat yang tidak menitik beratkan soal pergaulan sebelum perkahwinan. Kelaziman bakal pengantin beragama Islam merakamkan gambar yang tidak sopan seperti berpelukan dan berbaring di atas katil sebelum sah bergelar suami isteri daripada segi hukum adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Malahan, kemasukan budaya barat turut mempengaruhi dari sudut pakaian pengantin yang mendedahkan aurat dan berhias secara berlebihan adalah dilarang disisi syariat. Majlis perkahwinan yang diadakan secara besar-besaran, dengan hiasan pelamin serta bertemakan ala barat lebih cenderung membawa pembaziran sekiranya tidak dikawal (Nik Abd. Rahim, 2011). Budaya karaoke dan hiburan ketika majlis perkahwinan dan diselitkan dengan tarian bercampur di antara lelaki dan perempuan turut menjadi budaya semasa yang semakin menjadi ikutan masyarakat di Malaysia (Shaliza Dasuki 2015).

Budaya Makanan dan Pemakanan Islam merupakan satu agama yang menitikberatkan soal pemakanan yang halal lagi bersih. Menurut Anuar dan Aizat (2016), budaya pemakanan halal merangkumi konteks, bermula dari cara penyediaan makanan halal, merangkumi jenis makanan serta kandungan nutrisi yang terkandung dalam makanan dan selari dengan syariat Islam serta tradisi masyarakat setempat. Kehadiran tamadun Islam ke alam Melayu telah melahirkan masyarakat Melayu yang sangat menjaga aspek halal haram dalam makanan berasaskan konsep *halalan toyyiban* sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 186 yang bermaksud:

*“Makanlah apa yang ada di muka bumi yang halal lagi baik, janganlah kamu menuruti langkah syaitan, sesungguhnya ia adalah musuh yang nyata bagi kamu.”*

Masyarakat Melayu juga turut terkenal dengan kesopanan ketika makan. Syeikh Yusuf Ismail dalam terjemahan karyanya *Tahzib al-nufuus fi tartiibi al-duruus* (2015) yang merupakan kitab ringkasan *Riyadhus Shalihin* Imam Nawawi menyatakan bahawa di antara adab makan yang ditekankan dalam Islam adalah dengan menyebut nama Allah, makan dengan menggunakan tangan kanan, mengambil makanan yang paling hampir, tidak mencela makanan dan menjilat jari sebelum membasuh tangan setelah selesai makan kerana padanya mempunyai keberkatan. Perkara ini bertentangan dengan etika makanan dan pemakanan barat yang menganjurkan masyarakatnya supaya makan dengan menggunakan sudu dan garpu serta menyuapkan makanan dengan menggunakan tangan kiri. Budaya barat juga mengajarkan budaya makan dan minum sambil berdiri sama ada dalam kehidupan harian mahupun dalam majlis-majlis rasmi. Makanan dan minuman haram hasil pengaruh barat juga masih berleluasa dalam budaya masyarakat Melayu di Malaysia dan dilakukan tanpa segan silu sehingga hari ini.

## Budaya Kesihatan

Sebelum kedatangan Islam, amalan perubatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Melayu mempunyai percanggahan dengan syariat Islam (Nurdeng Deuraseh, 2010; Fadzli Adam *et al.*, 2014). Sebagai contoh, bagi seorang kanak-kanak yang mengalami sakit di bahagian perut sehingga kelihatan perut tersebut menjadi buncit, dikatakan mengalami busung perut akibat bermain atau duduk di busut semut yang besar di suatu sudut di kampung tersebut. Kaedah perubatan pada masa tersebut mencampur adukkan antara bacaan ayat-ayat suci al-Quran dengan jampi serapah. Paling ketara, amalan bertangkal dilaksanakan bagi mengubati penyakit. Kedatangan Islam menghapuskan amalan khurafat yang berleluasa dalam masyarakat Melayu dengan membawa alternatif perubatan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Kehadiran Islam di alam Melayu turut membawa budaya kesihatan berpandukan al-Quran seperti pemakanan madu lebah berdasarkan surah al-Nahl ayat 16 yang bermaksud:

*“Dan (Dia mengadakan) tanda-tanda panduan jalan dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju”.*

Amalan memakan makanan *sunnah* seperti kurma terutama pada bulan Ramadan turut menjadi budaya dalam masyarakat Melayu. Selain itu amalan berkhatan juga diamalkan di Malaysia. Khatan ialah membuang atau memotong sebahagian kulit di kemaluan bagi tujuan kebersihan dan memelihara kesihatan dan menundukkan nafsu. Bagi lelaki, amalan khatan ialah memotong sedikit kulit zakar manakala bagi wanita pula memotong sedikit kulit pada kelentit. Wanita dikhatankan pada usia sekitar beberapa bulan hingga setahun manakala bagi lelaki pula dikhatankan pada usia sekitar 10 – 12 tahun. Selain itu amalan kesihatan lain seperti berbekam iaitu mengeluarkan darah kotor dari badan turut diamalkan masyarakat Malaysia

Kini, masyarakat Melayu semakin kurang bergantung kepada amalan-amalan khurafat untuk menyembuhkan penyakit kerana telah diganti dengan amalan perubatan alternatif Islam yang menggunakan sepenuhnya al-Quran dan hadis serta menggunakan alatan yang halal dan suci. Kehadiran pengaruh tamadun barat di Malaysia membawa perubahan dalam dunia perubatan. Kewujudan kaedah perubatan dari barat membawa perubahan yang baik dalam sejarah perubatan di Malaysia. Di antaranya tertubuhnya Hospital Yeng Wah hospital pertama dilengkapi dengan kemudahan x-ray selepas beberapa bulan oleh penciptanya Roentgen (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2019).

## Budaya Pakaian

Sesuai dengan ajaran Islam, pemakaian yang menutup aurat semakin mendapat tempat dalam masyarakat Melayu. Semenjak era 1970-an lagi pemakaian tudung tidak lagi menjadi janggal dalam kalangan penjawat awam dan swasta di negara ini. Malahan, golongan selebriti dan artis di Malaysia semakin ramai berhijrah ke arah menutup aurat dengan sempurna dan mengenakan tudung serta busana muslimah. Cara berpakaian masyarakat Melayu banyak dipengaruhi oleh budaya masyarakat Arab. Sebagai contoh, lelaki menggunakan kain Samarinda kerana pemakaian sutera diharamkan di dalam Islam (Nazirah, 2014). Perintah-Perintah Am, Perkara 6, Bahagian Etiket Pakaian, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang dikuatkuasakan pada 15 Disember 1993 turut menekankan bahawa memakai pakaian sopan juga telah menjadi sebahagian etika rasmi dalam negara kita adalah hasil pengaruh tamadun Islam (Azhar & Raihanah, 2010).

Pengaruh tamadun barat seperti pakaian yang menjolok mata dalam kalangan wanita hanyalah satu cara mengeksploitasikan kecantikan wanita sedangkan Islam sangat menjaga kehormatan seseorang wanita. Fesyen pemakaian daripada artis-artis turut menjadi trend

sehingga tidak lagi menghiraukan soal kesopanan dan keagamaan (Sarimah Nordin *et al.*, 2016). Kebanyakan gaya fesyen kini lebih menonjolkan bentuk badan pemakai dan faktor ketidaksopanan yang terserlah. Namun, kemasukan elemen budaya barat seperti pemakaian kot dan blazer yang menjadi pakaian rasmi serta baju T dibenarkan dalam Islam selagi tidak bertentangan dengan syariat seperti menampakkan tubuh badan ataupun jarang.

### **Budaya Hiburan**

Kemasukan unsur tamadun Islam dalam budaya hiburan membawa banyak perubahan. Di antara unsur Islam yang masih dikekalkan dalam budaya Melayu adalah seperti Zikir Rebana memang ada sejak dahulu dan tiada rekaan baru setakat ini (Mohd Taib Othman, 1983). Rebana diperbuat daripada kulit kambing serta kayu tualang dan biasanya bersaiz 24 inci atau dua kaki. Pemain akan duduk bersila dan rebana diletakkan di atas telapak kaki. Pada masa dahulu, Dikir Rebana dimainkan ketika sultan hendak tidur atau ketika hendak mengerjakan solat. Kini muzik ini dimainkan dalam majlis perkahwinan. Dikir Rebana terbahagi kepada dua iaitu Dikir Maulud dan Dikir Berdah. Kitab *Saraful Anam* digunakan untuk berzanji dan berdikir. Terdapat banyak lagu dalam Zikir Rebana dan dimainkan oleh sebuah kumpulan yang mengandungi lima hingga tujuh orang.

Selain itu, Gendang Pahang merupakan seni tradisi yang mendapat pengaruh Islam yang mendalam. Muzik ini dipercayai dibawa oleh Dato' Purba Jelai dan penyebarannya dilakukan oleh tiga generasi. Gendang Pahang mempunyai lagunya yang tersendiri dikenali sebagai Bujang Hilir. Muzik ini dimulakan dengan rentak pembukaan dan di akhiri dengan rentak membunuh atau rentak mati di samping rentak-rentak yang lain. Gendang Pahang dimainkan ketika majlis perkahwinan dan adat istiadat istana serta untuk mengiringi persembahan silat dan Tarian Inai. Alat muzik yang digunakan ialah gendang anak, gendang ibu dan gong. Gendang Pahang tidak terhad kepada golongan lelaki sahaja kerana wanita juga terlibat dalam kesenian ini. Tamadun barat turut membawa pengaruh besar dari sudut budaya termasuk budaya berhibur yang dikenali sebagai hedonisme. Budaya ini hanya mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup semata-mata. Budaya ini juga dikenali sebagai suatu konsep moral yang menyamakan kebaikan dengan kesenangan (Lorens Bagus, 2000). Manakala Mustafa Kamil Ayub (1994) melihat budaya hedonisme sebagai suatu sistem penilaian di sisi Barat yang menilai kebaikan hanyalah semata-mata keseronokan.

### **Budaya Sastera**

Budaya sastera Islam mendorong kepada penghayatan ilmu serta menerapkan unsur keimanan dan rohani terhadap unsur-unsur khurafat, khayalan, fantasi dalam karya awal Melayu. Kehadiran tamadun Barat juga membawa perubahan dengan proses adaptasi tulisan Arab ke dalam tulisan jawi. Perkara ini dapat dilihat dalam karya Hikayat-hikayat Nur Muhammad, Hikayat Bulan Berbelah, Hikayat Nabi Bercukur, Hikayat Nabi Mi'raj, Hikayat Nabi Wafat, Hikayat Iskandar Dzulkarnain, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Hanafiah, Hikayat Nabi Sulaiman dan Hikayat Amir Ibn Umayyah yang berkiblat Islam dan Timur Tengah. Namun, kehadiran Barat ke alam Melayu di Malaysia membawa kepada pemansuhan sistem tulisan dan ejaan Jawi dan pengenalan sistem tulisan dan ejaan Rumi. Langkah ini menurut Al-Attas semakin menjarakkan masyarakat Melayu (Alwee Yusuf, 2005).

Pengenalan dan penerapan falsafah serta pemikiran Barat memutuskan kegiatan sastera daripada tradisi persuratan Melayu zaman Islam, apabila orientalis Barat membina benteng yang bersifat periodikal dengan memperkenalkan istilah "moden" dan "baru", guna merujuk kepada period kesusasteraan Melayu selepas kehadiran mereka (Barat). Pengaruh awal Barat jelas apabila period yang dikenali sebagai "Kesusasteraan Melayu Moden" itu diperkaya



dengan genre-genre dari Barat, seperti novel, cerpen dan sajak, yang sekaligus menenggelamkan bentuk-bentuk karya sastra pada zaman Islam, terutamanya hikayat dan syair (Zariat, 2006).

### **KONSEP PENDIDIKAN BERSEPADU *AQL* DAN *NAQL* (*INTEGRATED EDUCATION*)**

Dinamika sosial yang dibuat oleh Inggeris juga mempengaruhi perubahan dalam sistem pendidikan. Sebelum kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu, pendidikan di Tanah Melayu bersifat tidak formal iaitu hanya terhad kepada pengajian Al-Quran dan keagamaan. Namun selepas kedatangan Inggeris, terutamanya pada pertengahan abad ke-19, sistem pendidikan di Tanah Melayu telah banyak berlaku perubahan dan ianya lebih bersifat perkauman atau vernakular kerana Inggeris tidak menyeragamkan sukatan pendidikan dengan pendidikan guru dan ini membawa kepada perbezaan sukatan pelajaran antara kaum. Masyarakat Melayu tidak mendapat pendidikan akademik yang sempurna seperti mana kaum-kaum lain (Atiqah Abdullah & Ong Puay Liu, 2018).

Terdapat 4 jenis sekolah di Tanah Melayu iaitu sekolah Melayu, sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah Inggeris. Di sekolah Melayu, terdapat 2 bentuk persekolahan iaitu sekolah berbentuk keagamaan dan sekular. Sistem pendidikan yang diperkenalkan sebaik-baik sahaja Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sehingga 1961 bertujuan untuk mewujudkan perpaduan kaum. Dalam usaha membentuk sistem pendidikan kebangsaan, pandangan daripada semua kaum diambil kira melalui rundingan antara kaum. Melalui sistem pendidikan telah memberikan peluang kepada semua kaum untuk mendapatkan pendidikan yang seimbang. Malahan kerajaan telah memberikan bantuan kewangan kepada semua sekolah. Penyelarasan sistem pendidikan Tanah Melayu telah membantu mewujudkan perpaduan kaum. Hal ini jelas terbukti dengan pengajaran Bahasa Melayu di semua sekolah, selain penyeragaman kurikulum dan peperiksaan. Laporan Razak dan Akta Rahman Talib telah menjadi asas pembentukan sistem pendidikan kebangsaan selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963 (Atiqah Abdullah & Ong Puay Liu, 2018).

Pendidikan bersepadu mula diwujudkan yang membawa maksud pendidikan yang menyepadukan antara ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Ilmu fardhu ain ialah ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu. Alias (2013) mengatakan konsep pendidikan bersepadu ialah mencakupi keseluruhan ilmu-ilmu pengetahuan antara ilmu agama dan ilmu dunia. Berdasarkan beberapa pengertian di atas dapat disimpulkan bahawa integrasi pendidikan Islam juga bermaksud menyepadukan antara ilmu yang bermanfaat atau ilmu *aql* dengan ilmu *naql*.

Objektif pendidikan bersepadu untuk membentuk keseimbangan akhlak dan pembangunan rohani untuk mencapai ilmu yang menjadi matlamat dalam pencarian ilmu. Hal yang demikian itu kerana konsep ilmu yang hanya bersandarkan rasional (akal), empirikal dan saintifik gagal menghasilkan manusia yang mempunyai nilai adab dan akhlak yang tinggi. Pendidikan secara bersepadu mampu mendidik bukan sahaja akal tetapi hati (*spiritual intelligence*) manusia untuk mengakui adanya Pencipta dengan penyaksian kepada bukti kewujudan-Nya melalui pengajian ilmu intelektual. Usaha menguasai pendekatan pendidikan secara bersepadu dalam kalangan pendidik secara berterusan adalah asas untuk memantapkan proses pendidikan bagi melahirkan pelajar-pelajar seperti yang dihasratkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), (Nur Hafizah *et al.*, 2013).

Berdasarkan kenyataan di atas jelas kepada kita bahawa pemikir Barat juga mengakui bahawa dasar pendidikan perlu kepada perubahan bagi membentuk manusia berakhlak. Justeru itu, mencari dan membina paradigma ilmu yang bersepadu merupakan satu tuntutan ke arah pembangunan tamadun dan peradaban bangsa yang berasaskan akhlak yang mulia. Ilmuan Islam terdahulu telah menjadikan al-Quran dan Sunah sebagai sandaran yang utama dalam

penyelidikan mereka dan mempunyai pelbagai ilmu dan kemahiran misalnya Hunayn Ibnu Ishaq tidak mencipta racun walaupun terdapat arahan khalifah, ini kerana berpegang kepada prinsip Islam yang menegah melakukan kemudaratatan (Alias, 2013). Jelas di sini menunjukkan ilmuan Islam terdahulu telah mengaplikasikan konsep pendidikan bersepadu dalam membangunkan tamadun bangsa dan negara. Pendidikan bersepadu juga menggunakan pelbagai teknik seperti ICT (Teknologi Komunikasi Maklumat) dan beberapa teknik yang lain. Sejarah membuktikan bahawa umat Islam adalah golongan awal yang menggunakan teknologi dengan memulakan industri kertas pada tahun 793 M di Baghdad (Maimun, 2012).

Ini menunjukkan bahawa teknologi digunakan dalam penyebaran maklumat. Penghayatan konsep kesepaduan ilmu ini perlu dipandang dari sudut falsafah Pendidikan Islam yang menyatakan bahawa Pendidikan bersepadu mampu melahirkan manusia yang mempunyai peradaban. Rasulullah telah meninggalkan peradaban yang mulia untuk diikuti. Bagi melahirkan insan yang tinggi peradabannya satu perancangan yang teliti perlu dibuat dalam sistem pendidikan. Hal ini kerana institusi pendidikan merupakan institusi yang paling hampir dalam tugas mendidik ketamadunan manusia.

### TERAS PENDIDIKAN BERSEPADU

Konsep pendidikan bersepadu dalam strategi pengajaran dan pembelajaran adalah berteraskan empat elemen iaitu (i) kreativiti (*creativity*), (ii) refleksi (*reflectivity*), (iii) bekerjasama (*reciprocity*) dan (iv) bertanggung jawab (*responsibility*). Kesemua elemen ini merupakan satu tunjang yang membentuk kesepaduan ilmu dari sudut inovasi dan teknologi. Para pendidik perlu memfokuskan empat elemen ini dalam membentuk teknologi dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Maimun, 2015). Kesemua elemen ini menjadi tunjang yang utama dalam merangka teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan dan peradaban Islam.

Perkataan kreativiti sebagai elemen yang pertama berasal daripada perkataan barat iaitu *creativity* yang bererti keupayaan mencipta atau daya cipta. Daripada pengertian ini dapat difahami bahawa kreativiti ialah keupayaan menjana idea dan pemikiran yang kreatif untuk menghasilkan hasil kerja yang pelbagai bentuk. Pensyarah dan pelajar boleh menggunakan kreativiti mereka untuk memberi dan menghasilkan tugas dalam pelbagai bentuk dan teknologi. Hal ini bersesuaian dengan Firman Allah bermaksud: *Katakanlah, Adakah sama keadaan orang yang buta dengan orang yang melihat? Surah Al-An'am ayat 50 (6:50)*. Berdasarkan ayat ini jelas menunjukkan orang yang berfikiran kreatif akan menghasilkan hasil kerja yang berbeza dengan orang biasa. Kita juga disarankan mengambil pengajaran dengan kemajuan orang lain untuk memajukan diri sendiri atau agama bangsa dan negara.

Elemen yang kedua ialah refleksi. Amalan refleksi terhasil daripada cetusan idea yang dikemukakan oleh Dewey dalam bukunya berjudul "*How We Think*" (Dewey, 1933). Refleksi dari sudut pandangan Islam ialah membuat timbal balik atau muhasabah diri. Berdasarkan elemen ini pensyarah dan pelajar dapat membuat timbal balik apa yang telah dilakukan berdasarkan teknologi digital. Dengan adanya konsep muhasabah atau refleksi ini akan menghasilkan mutu kerja yang lebih baik pada masa akan datang. Ini selari dengan firman Allah yang menukulkan supaya kita selalu bermuhasabah diri dan memajukan kerjaya kita walau sebesar manapun dalam segala tindakan dan aktiviti kita. Sepertimana firman Allah dalam surah Az Zalzalah, ayat 7 dan 8:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

*“Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarrah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarrah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya pula.*

Justeru itu, dalam konteks amalan pengajaran dan pembelajaran konsep refleksi ini hendaklah sentiasa diaplikasikan supaya pensyarah dan pelajar sentiasa memperbaiki hasil kerja berinovasi dari masa ke semasa. Elemen yang ketiga ialah **reciprocity/cooperation (kerjasama)**. Sebuah organisasi pembelajaran perlu menekankan usaha secara bersama-sama dalam komuniti. Hal yang demikian itu bermakna seorang guru tidak boleh bekerja secara bersendirian tanpa pelajar dan pelajar perlu mempunyai komuniti dalam membentuk pembelajaran aktif dan proaktif. Dalam menggunakan pendekatan teknologi pendidikan, kerjasama diantara pelbagai pihak dapat diurus dengan cepat dan mudah pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Melalui kumpulan yang diwujudkan akan melahirkan hasil kerja yang baik. Firman Allah surah al-Imran ayat 159 yang bermaksud:

*“Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekeliling mu. Karena itu maafkanlah mereka, mohonlah ampun bagi mereka, dan bermusyawarah lah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakal lah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertawakkal kepadaNya”*

Ayat di atas menjelaskan tentang sikap seorang mukmin yang sebaiknya berlaku lemah lembut, memaafkan dan mengutamakan musyawarah dalam mengambil keputusan akan menghasilkan hasil kerja yang berkesan dan berkualiti.

Elemen yang terakhir ialah Responsibility (Bertanggungjawab). Kamus dewan edisi keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015) mendatangkan maksud tanggungjawab ialah kewajipan yang dipikul oleh seseorang. Setiap manusia mempunyai tanggungjawab terhadap pencipta, alam dan manusia. Justeru dalam proses dinamika pendidikan manusia bertanggungjawab terhadap apa yang dilaksanakannya melalui setiap aplikasi yang digunakan dan bertanggungjawab terhadap hasil kerjanya. Dalam hal ini Rasulullah bersabda dari Abdullāh bin Umar bahawa dia mendengar Rasulullah telah bersabda:

*“Setiap kalian adalah pemimpin dan setiap pemimpin akan diminta bertanggungjawab atas yang dipimpinnya. Imām (ketua Negara) adalah pemimpin yang akan diminta bertanggungjawab atas rakyatnya. Seorang suami dalam keluarganya adalah pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab atas keluarganya. Seorang isteri adalah pemimpin di dalam urusan rumah tangga suaminya dan akan diminta bertanggungjawab atas urusan rumah tangga tersebut. Maka setiap kamu, juga seorang pembantu adalah pemimpin dalam urusan harta tuannya dan akan diminta bertanggungjawab atas urusan tersebut”.*

(Bukhari dan Muslim)

## **DINAMIKA PERKEMBANGAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA**

Perlaksanaan pelajaran pendidikan Islam di Malaysia (sebelum merdeka dikenali sebagai Tanah Melayu) telah bermula sejak Islam mula bertapak di Melaka sekitar abad ke 14 lagi. Namun sistem pendidikan Islam pada waktu itu merupakan sistem pendidikan yang tidak formal. Dalam hal ini, tidak terdapat peruntukan undang-undang khusus yang mewajibkan pendidikan Islam diajar kepada semua anak-anak Islam. Pendidikan Islam mula diberi perhatian setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahun 1960, kerajaan mula melaksanakan undang-undang pendidikan berdasarkan kepada Laporan Rahman Talib. Hasil daripada laporan tersebut, kerajaan telah menguatkuasakan satu akta iaitu kewajipan memberikan pendidikan agama Islam kepada murid-murid agama Islam di setiap sekolah yang murid-murid beragama Islam berjumlah 15 orang atau lebih (Abdul Halim Diah, 1989).

Pendidikan Tinggi Islam pula dilaksanakan di Tanah Melayu bermula pada tahun 1955 apabila Kolej Islam Malaya ditubuhkan (Kini dipanggil Kolej Islam Sultan Alam Shah, KISAS). Institusi pengajian tinggi Islam mula dilihat sebagai keperluan kepada mesyarakat apabila semakin banyak sekolah-sekolah agama didirikan. Bagi memenuhi keperluan terhadap pertambahan pelajar-pelajar jurusan agama Islam yang semakin meningkat, maka dibina beberapa buah kolej Islam dan universiti Islam sebagai memenuhi tuntutan tersebut. Selain itu di beberapa buah universiti yang tidak menfokuskan kepada pengajian Islam secara sepenuhnya menubuhkan jabatan dan fakulti pengajian Islam. Turut diperkenalkan kursus Tamadun Islam di semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Dengan ini, pengajian agama Islam turut diajar secara tidak langsung di semua institusi pengajian di Malaysia (Roslan Nor & Wan Tarmizi Othman, 2011)

Hal ini jelas berlaku dinamika dari semasa ke semasa perkembangan pendidikan Islam yang terus rancak apabila Tanah Melayu mula mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Perkara ini dapat dilihat kepada perubahan-perubahan yang berlaku dalam perundangan dan syor kerajaan dalam perkara berkaitan. Sebagai contoh, di dalam Ordinan Pelajaran 1957 tidak menetapkan kuasa pihak yang menguruskan tentang perbelanjaan melaksanakan pelajaran agama Islam menyebabkan pelaksanaan pelajaran agama Islam tidak berjalan dengan sistematik. Jadi di dalam Syor Penyata Abdul Rahman Talib 1960, perkara berkaitan perbelanjaan dinyatakan secara terperinci iaitu segala perbelanjaan berkaitan pelajaran agama Islam ditanggung oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1972; 2006).

Berdasarkan cadangan tersebut, Akta Pelajaran 1961 telah mengadakan peruntukan berkaitan peruntukan kewangan selain mewajibkan sekolah-sekolah bantuan kerajaan mengadakan pelajaran agama Islam kepada murid-murid selama dua jam seminggu sekiranya di sekolah tersebut terdapat seramai 15 orang murid Islam atau lebih. Pada tahun 1962 iaitu tahun Akta Pelajaran 1961 mula dikuatkuasakan, pelajaran agama Islam telah diadakan dalam jadual waktu pelajaran biasa kepada murid-murid yang beragama Islam (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972) dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran sebanyak 120 minit seminggu (Ahmad Mohd Salleh, 2004).

Guru-guru agama juga dilantik untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Dengan terlaksananya akta ini, murid-murid Islam terjamin mendapat pendidikan Islam selama sebelas tahun iaitu enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah. Memandangkan hal ehwal agama Islam berada di bawah kuasa Yang Dipertuan Agong dan Raja-Raja Melayu, sukatan pelajaran pendidikan Islam hendaklah terlebih dahulu dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja sebelum dilaksanakan di sekolah-sekolah. Maka sukatan matapelajaran agama Islam yang pertama untuk sekolah bantuan kerajaan telah disusun pada tahun 1959. Ianya telah dipersetujui

oleh Majlis Raja-Raja dan dilaksanakan mulai dari tahun 1962 hingga 1967 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972).

Pada tahun 1967, sukatan pelajaran pendidikan Islam sekali lagi disusun oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada wakil Kementerian Pelajaran, Kolej Islam dan Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri. Sukatan tersebut telah disemak oleh jawatankuasa peringkat Kementerian Pelajaran sebelum dikemukakan kepada Majlis Penasihat Raja-Raja Melayu yang mengandungi wakil-wakil daripada pihak berkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kerajaan Negeri. Sukatan tersebut kemudiannya dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja pada bulan April 1967 dan disiarkan dalam *Warta Kerajaan*. Sukatan tersebut mula dilaksanakan di sekolah-sekolah bantuan kerajaan mulai awal sesi persekolahan tahun 1968. Isi kandungan pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah mengandungi beberapa perbezaan sesuai dengan tahap dan umur murid-murid. Sukatan pelajaran agama Islam di sekolah rendah mengandungi perkara-perkara yang mustahak dipelajari oleh murid-murid dan disusun sesuai mengikut umur serta kebolehan mereka. Antaranya ialah akidah, ibadah, sejarah rasul-rasul, budi pekerti dan bacaan al-Quran. Manakala sukatan pelajaran sekolah menengah pula mengandungi perkara-perkara yang mustahak diketahui oleh tiaptiap orang Islam pada peringkat akil baligh. Sukatan tersebut juga disesuaikan dengan keperluan masyarakat dan kepentingan negara. Antaranya ialah fiqah, tauhid, sejarah Islam, ayat al-Quran dan hadis. Namun tidak semua aspek dalam kehidupan dapat dimuatkan pada peringkat ini memandangkan masa yang diperuntukkan kepada pelajaran ini adalah terhad dan bebanan mata pelajaran yang lain yang mesti dihadapi oleh murid-murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972).

Sebelum Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan, matapelajaran pendidikan Islam tidak wajib diambil dalam peperiksaan seperti peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) walaupun ianya wajib dipelajari (KPM, 1979). Pada tahun 1979, Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran telah mengeluarkan satu laporan menyeluruh berkaitan aspek pendidikan negara termasuklah kurikulumnya. Hasil kajian tersebut, KBSR telah digubal dan dilaksanakan secara keseluruhannya pada 1983. Ianya diteruskan diperingkat sekolah menengah pada tahun 1988 iaitu setelah enam tahun KBSR dilaksanakan di sekolah rendah dengan nama Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1992).

Pada waktu itu juga mata pelajaran pendidikan Islam dijadikan mata pelajaran teras di peringkat menengah rendah dan menengah tinggi. Selaras dengan itu, ia diwajibkan di dalam peperiksaan. Manakala pada peringkat menengah atas terdapat matapelajaran pendidikan Islam sebagai matapelajaran elektif dan selain Pendidikan Islam iaitu Tasawur Islam, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah dan Pendidikan Syariah Islam (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1992). Bermula tahun 2017, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mula diperkenalkan bagi selaraskan kurikulum dan pendidikan sedia ada termasuk selaraskan pendidikan Islam mengikut kesesuaian di era semasa. Hal inilah menunjukkan bahawa dinamika pendidikan Islam dalam terus menjadikan sebuah pendidikan yang terus relevan dan sesuai dengan keadaan semasa di era abad ke-21 dan berhadapan Revolusi Industri 4.0

## **DINAMIKA PENDIDIKAN ISLAM BERHADAPAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0**

Revolusi Industri (RI) merupakan satu bentuk kemajuan dalam peradaban dan ketamadunan manusia (Mohamad, 2018). Peralihan dari zaman pertanian kepada zaman perindustrian menjadikan kehidupan manusia semakin kompleks dan penuh elemen daya saing dalam bentuk moden. RI 4.0 mampu membuka ruang kepada cetusan lebih banyak kaedah penyelesaian masalah seperti masalah ketidakcukupan sumber dan tenaga yang dihadapi oleh dunia sekarang (Rani, 2017). Pendidikan Islam di Malaysia telah mengambil manfaat dari RI 4.0 sebaiknya

daripada sudut teknologi dan media. Terdapat bidang dalam pendidikan Islam seperti sirah, telah menggunakan teknologi dron bagi melihat tamadan dan tapak sejarah dengan lebih menyeluruh. Hal ini, menimbulkan lagi minat pelajar dalam pembelajaran terhadap dinamika yang dilaksanakan dalam pendidikan Islam. Bahkan, RI 4.0 telah menjadikan guru pendidikan lebih aktif, bukan sahaja dalam bilik darjah bahkan luar dari kelas. Dapatan ini dibuktikan daripada Maziahtusima Ishak *et. al.*, (2018) menjelaskan bahawa GPI di sekolah agama telah melaksanakan aktiviti kemasyarakatan di luar skop tugas hakiki mereka ke arah usaha untuk mengubah pengetahuan, sikap dan kemahiran seperti yang dilakukan oleh agen perubahan lain. Maka, pendidikan Islam dalam berhadapan dengan RI 4.0, telah mengambil manfaat daripada teknologi dengan membuka jendela ilmu yang lebih luas dan terperinci seperti dalam sirah dan praktikal Ibadah haji. Bahkan, tidak dapat tidak, RI 4.0 suatu yang perlu kita hadapi kerana ia telah berada di fasa kita sekarang, cuma kita sahaja yang kena ambil dan manfaatkannya.

### KESIMPULAN

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu jelas telah membawa pengaruh yang cukup besar kepada masyarakat Melayu. Islam yang tersebar ke seluruh Tanah Melayu melalui beberapa faktor telah berjaya merubah pendidikan, kepercayaan, pemikiran dan cara hidup orang-orang Melayu sehingga membentuk satu kebudayaan Melayu yang berbeza dengan sebelumnya. Dinamika pengaruh ketamadunan Islam ini terus berkembang dengan baik dalam tempoh yang agak lama. Para sejarawan mempunyai pandangan yang berbeza berkaitan tarikh sebenar kedatangan Islam ke Asia Tenggara. Agama Islam dipercayai mula datang ke Asia Tenggara pada abad ke- 7 Masihi iaitu sejak zaman Rasulullah SAW melalui peranan pedagang Islam yang berdagang di Tanah Melayu. Agama Islam terus berkembang di Nusantara pada zaman Khulafa' al-Rashidin, Kerajaan Bani Umayyah, Kerajaan Bani Abbasiyyah dan kerajaan Islam yang seterusnya.

Namun begitu, pengaruh Islam telah terjejas apabila pihak Barat datang menjajah terutama penjajah British atau Inggeris yang telah berjaya mencampuri urusan hal ehwal orang-orang Melayu dengan memperkenalkan dasar-dasar ketamadunan Barat menerusi sistem Residen. Akibatnya nilai-nilai tradisi dan agama Islam yang mewarnai pendidikan, politik, perundangan, dalam masyarakat Melayu semakin terhakis dan terpisah. Walaupun penjajahan Inggeris sedikit sebanyak telah menjejaskan pendidikan ketamadunan Islam dan membantutkan perkembangannya dalam pelbagai aspek, namun dari aspek kepercayaan dan pegangan akidah orang-orang Melayu tidak terjejas dan tetap dipertahankan. Akidah Islam yang sudah tertanam dalam diri dan sehati dengan jiwa orang Melayu sejak sekian lama telah membangkitkan kesedaran dan semangat di kalangan mereka untuk berjuang menentang penjajahan Barat ini sehinggalah membawa kepada kemerdekaan tanah air pada tahun 1957.

Selepas mencapai kemerdekaan, dinamika pendidikan peradaban Islam kembali mewarnai kebudayaan Melayu dan pendidikan di Malaysia. Pendidikan peradaban Islam dan ketamadunan Barat banyak mempengaruhi dalam segenap aspek kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia. Oleh itu, peranan dalam mengekalkan budaya kedua-dua peradaban dan ketamadunan ini haruslah selari dengan kehendak agama Islam. Dalam usaha mengekalkan kedua-dua peradaban dan ketamadunan ini secara bersepadu mengikut syariat Islam dapat dikenalpasti dalam aplikasi pendidikannya antara lain yang sedang dilaksanakan dalam konsep kesepaduan *Aql* dan *Naql* serta kesepaduan dan keseimbangan dalam strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Mat Diah. 1989. Pendidikan Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, hlm. 7
- Abdullah Basmeih. 2001. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad Mohd Salleh. 2004. op.cit., hlm. 60-77
- Alias Azhar. 2013. Pendemokrasian Sistem Pendidikan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 3(1), hlm. 59-72
- Alwee Yusoff. 2005. Perkembangan Tulisan Jawi Dan Aplikasinya Dalam Masyarakat Islam Di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 21, hlm. 23-38
- Atiqah Abdullah & Ong Puay Liu. 2018. Latar Belakang Sejarah Sistem Pendidikan dan Masyarakat Majoriti Minoriti di Malaysia. International Colloquium on Integration Platform, 15 November 2018, hlm. 74-100. ISBN 978-967-0741-50-5
- Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid. 2016. Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu* 15(2), hlm. 160-175.
- Fadzli Adam, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Abd Hakim Mohad. 2014. Al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah: Faktor Kemunculannya Dalam Masyarakat Melayu dan Ruang Dakwah yang Masih Terbuka. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective.
- Idris Zakaria. 2012. Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition*, hlm. 91 – 108.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2019. Sejarah KKM. Laman web; <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/1006>, 21 Ogos 2019.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1972. op.cit., hlm. 5.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1972. op.cit., hlm. 6-7.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1979. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 71.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1992. Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, hlm. 1.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kurt Lewin. 2013. Principles of Topological Psychology. Books. ISBN 9781446547137.
- Lorens Bagus. 2000. Kamus Filsafat, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- M.S. Surat, M.A. Baharum, I.M.S Usman, A.R Musa, N.M.Tawil. 2012. Mengenalpasti Tahap Kesejahteraan Seni Bina Warisan Melayu Melalui Konsep Islam. *Journal Design and Built* 5.
- Maimun Aqsha Lubis. 2015. Effective Implementation of The Integrated Islamic Education. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 5(1), hlm. 60
- Maziahtusima Ishak, Hazlina Abdullah, Sakinah Ahmad, Yuslina Mohamed. 2018. Mendepani Cabaran Era Revolusi Industri 4.0: Hubungan Amalan Pembelajaran Berterusan Dengan Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(6), hlm. 214-230
- Mohamad Abdullah. (2018, 3 Januari). Hadapi cabaran revolusi perindustrian 4.0. Dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/hadapi-cabaran-revolusi-perindustrian4-0-1.583711#ixzz55uxWB2Sh>
- Mohd Ali Iksan. 2010. Pengaruh Budaya Hedonismedi Kalangan Pelajar-Pelajar Islam: Kajian di SMK Tengku Idris Shah, Kapar, Klang. Tesis Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah

- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. 2016. Makanan Dan Pemakanan Halal dalam Kalangan Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam dalam Budaya Penyelidikan tentang Makanan: Perspektif Nabawi dan Saintifik (1), Jabatan al-Quran & al-Hadith APIUM, hlm. 195-206
- Mohd Azhar Abdullah & Raihanah Abdullah. 2010. Peruntukan Undang-Undang Aurat dan Pakaian Sopan Menurut Bidang Kuasamajlis Perbandaran Kota Bharu –Bandar Raya Islam: Satu Huraian. *Jurnal Syariah*, 18(2), hlm. 361-400
- Mohd Taib Osman (1983). Kajian budaya dan masyarakat di Malaysia. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Zariat Abdul Rani. 2006. Kehadiran Barat dan Kesannya Terhadap Kesusasteraan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 17, hlm. 330-361
- Mustafa Kamil Ayub. 1994. Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd
- Nazirah bte Lee. 2014. Transformasi Fesyen Pakaian Muslim di Semenanjung Tanah Melayu, 1930, 1940. *Jurnal Perspektif*, 6(3), hlm. 68-80
- Nik Abd Rahim Nik Abd Ghani. 2011. Objektif dibalik Tabir Walimah. *Solusi Isu*, 38, hlm. 56-57
- Nur Hafizah Idris & Rohana Hamzah. 2013. Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*. (60), hlm. 31–37
- Nurdeng Deuraseh. 2010. Transformasi Amalan Perubatan Tradisional Melayu Perspektif Rukyah. *Jurnal Peradaban*, 3, hlm. 83-98.
- Rani, C. S. (2017, 11 September). Celik Industri 4.0. Dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/celik-industri-4-0-1.524994>
- Roslan Nor & Wan Tarmizi Othman. 2011. Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal at-Ta'dib*. 6(1), hlm. 59-78.
- Sarimah Nordin, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Mohd Al'Ikhsan Ghazali. 2016. Fenomena Tabarruj Masa Kini Dalam Kalangan Wanita Muslimah. *Proceedings of the International Conference on Education towards Global Peace*, 30 November – 01 December 2016 Kulliyah of Education, International Islamic Education Malaysia, hlm. 1-15.
- Seiva Subramaniam. 2015. Pemikiran Masyarakat Tamil Awal Dalam Kesusasteraan Tamil Klasik. Tesis Dr. Fal, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Shaliza Dasuki, Fazlina Mohd Radzi, Nurkhalizah Idris & Nur Hasliza Abdulah. 2015. Perkembangan Budaya Popular dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu. *Conference: International Conference on Malay Heritage and Civilisation 2015 (ICOMHAC 2015)*.
- Sheikh Yusuf Ismail An-Nabhani. 2015. Ringkasan Riyadhus Shalihin Imam Nawawi. Selangor: Telaga Biru.
- Siti Aisyah Romli, Maimun Aqsha Lubis, Harun Baharudin, Masyhurah Mohamad Rawi & Wan Nur Fatimah. 2015. Pengaruh Islam dalam Tamadun Kebudayaan Melayu. *Proceeding of 7<sup>th</sup> International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and World Civilization (POLTAN-UKM-POLMED)*, hlm. 120-127.
- Siti Norlizaiha Harun. 2005. Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke atas Senibina di Malaysia: Sebuah Tinjauan Ringka. *Buletin Perancang, JPBD, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Suhana Johor. 2012. Pemuliharaan dan Pembaikan Masjid Kayu Tradisional di Malaysia. Tesis. Universiti Sains Malaysia
- Zunaidah Zainon. 2006. Masjid Diraja Sultan Sulaiman kekalkan pengaruh seni bina British. *Utusan Malaysia*, 23 Ogos.